


Proses Perbicaraan Kes Jenayah Mahkamah Rendah



PANDUAN

Proses Perbicaraan
Kes Jenayah
untuk Tertuduh



Persediaan Sebelum Perbicaraan

- Anda perlu memaklumkan Mahkamah pembelaan bagi menuntut perbicaraan.
- Pendakwa Raya akan menyerahkan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk perbicaraan termasuk Kertas Tuduhan, Senarai Saksi Pendakwaan dan Keterangan anda.
- Anda perlu membaca dan meneliti kesemua dokumen yang telah diserahkan serta memastikan kesemua dokumen tersebut dibawa sepanjang perbicaraan.
- Anda perlu memaklumkan jika ada dokumen atau bahan bukti tambahan yang diperlukan.
- Anda perlu memaklumkan jika ada bantahan ke atas Kenyataan yang diberikan kepada pihak berkuasa dan bentuk bantahan (jika ada paksaan, ancaman, perjanjian atau sebagainya). Jika anda ada bantahan, Voir Dire akan dijalankan.
- Anda perlu menyediakan senarai saksi berserta alamat & nombor telefon untuk Mahkamah mengeluarkan Saman Saksi (diserahkan oleh anda sendiri kepada saksi).
- Jika anda ingin mendapatkan khidmat peguam, anda perlu memastikan peguam tersebut boleh hadir semasa tarikh-tarikh perbicaraan yang telah ditetapkan.

Peringatan

Anda perlu bersiap sedia untuk membela diri pada tarikh perbicaraan bermula. Mahkamah hanya boleh mengambil kira bukti yang dikemukakan semasa perbicaraan.


Perbicaraan Mengemukakan Bukti

- Pendakwa Raya memanggil kesemua saksi untuk memberikan keterangan di dalam Mahkamah.
- Anda akan diberikan peluang untuk menyoal saksi selepas Pendakwa Raya selesai menyoal saksi tersebut.
- Anda perlu mendengar dan mencatat keterangan saksi.
- Anda perlu menyediakan soalan-soalan yang ingin diajukan kepada saksi berdasarkan keterangan yang saksi berikan.
- Jika anda tidak menekankan kes anda kepada saksi, anda dianggap bersetuju dengan keterangan saksi tersebut.
- Anda perlu menandakan dokumen sebagai bahan bukti mengikut tanda yang diberikan oleh Mahkamah.

Voir Dire

Perbicaraan Kecil

- Jika TIADA bantahan terhadap Kenyataan, ianya akan diterima oleh Mahkamah dan digunakan sebagai bukti pendakwaan.
- Jika ADA bantahan, Voir Dire akan dijalankan bagi Kenyataan tersebut.
- Voir Dire adalah perbicaraan kecil untuk menentukan sama ada Kenyataan tersebut telah direkodkan secara sukarela.
- Proses perbicaraan akan dijalankan dengan saksi-saksi Voir Dire sahaja. Selesai saksi pendakwaan, anda boleh memberi keterangan bersumpah mengenai Kenyataan tersebut dan juga memanggil saksi.
- Selesai Voir Dire, Mahkamah akan memutuskan sama ada Kenyataan tersebut diterima sebagai bukti atau tidak.



Penghujahan Selesai Kes Pendakwa

- Pendakwa Raya akan menyediakan hujah-hujah perbicaraan dan menyerahkan kepada Mahkamah dan anda.
- Anda perlu membaca dan memaklumkan jika anda ingin membalas hujah-hujah tersebut.
- Mahkamah mempertimbangkan sama ada Pendakwa Raya telah berjaya menetapkan kes terhadap anda yang anda perlu menjawab.
- Jika tidak ada kes, kes anda akan ditutup dan anda dibebaskan dari tuduhan.
- Jika ada kes, perbicaraan akan sambung dan anda dipanggil untuk memberikan pembelaan.

Pembelaan

Kes Tertuduh

- Anda akan diberikan dua pilihan (Bagi kedua-dua pilihan, anda berhak untuk memanggil saksi);
 - Berdiam diri
Anda tidak memberi keterangan dan tidak disoal balas oleh Pendakwa Raya. Jika anda memilih untuk berdiam diri, Mahkamah boleh membuat tanggapan yang memburukkan terhadap anda.
 - Keterangan bersumpah
Anda memberi keterangan dan kemudian disoal balas oleh Pendakwa Raya.
- Saksi-saksi anda dipanggil dan soalan utama di ajukan oleh anda.
- Selepas anda selesai menyoal, saksi tersebut akan disoal balas oleh Pendakwa Raya.
- Setelah Pendakwa Raya selesai, anda diberi peluang terakhir untuk menyoal sebarang persoalan berdasarkan jawapan yang saksi tersebut telah berikan kepada Pendakwa Raya.

Penghakiman

Selesai Perbicaraan

- Kedua-dua Pendakwa Raya dan anda akan diberi peluang untuk menyediakan hujah-hujah perbicaraan secara keseluruhan.
- Mahkamah boleh memilih untuk penghujahan tersebut diberi secara lisan atau secara bertulis.
- Setelah anda mendengar/membaca hujah-hujah dari Pendakwa Raya, anda perlu memaklumkan Mahkamah jika anda ingin membalas hujah-hujah tersebut.
- Mahkamah akan menilai kes tersebut dan membuat keputusan sama ada anda didapati bersalah atas tuduhan atau tidak.
- Jika didapati tidak bersalah, anda akan dilepaskan dari tuduhan.
- Jika disabit bersalah, anda boleh merayu keringanan sebelum dijatuhkan hukuman. Seterusnya Mahkamah akan menjatuhkan hukuman.



Rayuan

Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan/hukuman Mahkamah, anda berhak untuk memohon Penggantungan Pelaksanaan dan membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh dua minggu selepas hukuman dijatuhkan.

Unit Jenayah

Mahkamah Rendah
Bangunan Mahkamah & Undang-Undang
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
Bandar Seri Begawan BA 1910
Brunei Darussalam

BSB - 2232979
Tutong - 4221304
KB - 3330385

bsbsubordinatecourt.criminal@judicial.gov.bn

Disember 2021